

08/09/2003

`Wawasan 2020 tetap realiti'

Mokhtar Alias; Hussain Said

SEREMBAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan akan bekerja keras bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) untuk meneruskan dasar dan menjadikan Wawasan 2020 satu realiti.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau berharap rakyat turut memberi sokongan dan kerjasama terutama dalam mengekalkan perpaduan, kestabilan dan keharmonian yang dikecapi negara ketika ini.

Katanya, tanpa sokongan dan kerjasama itu, harapan menjadikan negara sebagai negara maju pada 2020, sebagaimana yang dicita-citakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara bulan depan, tidak akan tercapai.

"Ramai orang bertanya apa akan jadi terhadap Wawasan 2020 ketika saya mengambil alih teraju kepemimpinan negara daripada Perdana Menteri (Dr Mahathir) kelak.

"Justeru, saya memberi jaminan akan tetap meneruskan visi itu bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju sebagaimana yang dicita-citakan Perdana Menteri," katanya.

Beliau memberi jaminan itu dalam ucapannya ketika merasmikan Pesta Kebudayaan Cina Malaysia Ke-20 anjuran Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan di Padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS), malam tadi.

Turut hadir Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, Pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Malaysia, Tan Sri Chong Chin Shoong dan Pengerusi Dewan Perhimpunan Negeri Sembilan, Chew Seong Yong.

Ini adalah kali kedua Negeri Sembilan menjadi tuan rumah pesta itu yang dijadualkan berakhir 14 September ini, selepas kali pertama pada 1990.

Abdullah yang berucap di depan kira-kira 20,000 orang, berkata negara berada di landasan tepat untuk mencapai wawasan itu, berdasarkan kestabilan politik, ekonomi serta perpaduan, hasil kerjasama dan sokongan rakyat berbilang kaum.

"Ramai negara luar jelas menghormati dan kita mahu mereka lebih menghormati kita. Kita mahu membuktikan kepada negara luar, kita mampu menjadi negara maju," katanya.

Sementara itu, beliau berharap rakyat terus memelihara dan mengekalkan perpaduan yang dikecapi ketika ini, walaupun hidup dalam negara yang berbilang kaum.

"Kita harus pilih bersatu, bekerjasama, hormat menghormati dan menjadikan negara ini benar-benar merdeka dan tidak ada pihak lain campur tangan dalam memerintah negara ini," katanya.